

**PM: Surat Mahathir Kepada Ehud Barak Didedah Kepada Umum Awal Minggu Depan
Bernama
26 Februari , 2012**

SEKINCHAN, 26 Feb (Bernama) -- Kerajaan akan mendedahkan isi kandungan perutusan surat antara bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Perdana Menteri Israel Ehud Barak awal minggu depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata beliau telah mengarahkan Wisma Putra untuk menyemak surat tersebut dan mendapati ia boleh disiarkan untuk umum.

"Wisma Putra telah memberi ulasan dan saya sendiri juga telah menyemak surat tersebut. Esok lusa, kita akan mengambil langkah untuk membenarkan surat itu diterbitkan secara terbuka, supaya rakyat faham tujuan Tun Dr Mahathir menulis surat itu untuk memperjuangkan nasib rakyat Palestin yang menuntut kepada satu negara Palestin yang berdaulat," katanya kepada pemberita di SJKC Yoke Kuan di sini.

Katanya, surat tersebut menunjukkan keprihatinan Dr Mahathir dalam proses kedamaian di Timur Tengah dan isi kandungannya juga menepati dasar kerajaan Malaysia dari dahulu hingga sekarang.

Beliau berkata isu surat itu telah dimanipulasikan oleh pihak pembangkang yang sengaja mahu membangkitkan rasa sangsi rakyat terhadap pendirian kerajaan dalam isu ini, tetapi yang sebenarnya mereka mahu mengalihkan perhatian rakyat terhadap isu ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang telah menyatakan sokongan terhadap Israel.

Mengulas mengenai cadangan polis kepada Peguam Negara untuk mendakwa pengarah-pengarah National Feedlot Corporation (NFCorp) atas tuduhan pecah amanah, Perdana Menteri berkata keputusan itu terpulung sepenuhnya kepada Peguam Negara.

Katanya, tanggungjawab polis ialah untuk menjalankan siasatan dan mendapatkan bukti secukupnya untuk Peguam Negara supaya jika kes itu dibawa ke mahkamah, pendakwaan kes itu dapat diterima mahkamah.

"Kita tidak boleh anggap bahawa semua siasatan akan berkesudahan dengan pendakwaan. Pendakwaan itu mesti mengambil kira peruntukan tertentu dalam Perlembagaan.

"Saya tidak boleh membuat andaian apa akan berlaku dalam kes ini, sebab ia adalah merupakan budi bicara Peguam Negara mengikut Perlembagaan negara kita. Hanya beliau sahaja yang berhak buat keputusan," katanya.

Semalam, pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Datuk Syed Ismail Syed Azizan berkata polis akan mencadangkan kepada Peguam Negara untuk mendakwa pengarah-pengarah NFCorp atas tuduhan pecah amanah mengikut Seksyen 409, Kanun Keseksaan.

Terdahulu, dalam ucapannya ketika menghadiri majlis makan tengah hari bersama penduduk Sekinchan di sini, Najib berkata kewujudan dan masa depan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil adalah terjamin dan tidak boleh dipertikaikan sesiapa kerana ia telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara.

Katanya, pindaan pada Seksyen 21(2) Akta Pendidikan yang dibuat beliau semasa menjadi Menteri Pendidikan pada tahun 1996 telah menjamin kedudukan sekolah-sekolah itu.

Kerajaan juga akan terus membantu pembangunan sekolah-sekolah ini, di mana dalam Belanjawan 2012 kerajaan telah memberi peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta untuk pembangunan sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan juga sekolah-sekolah agama, katanya.

"Kita akan terus bantu sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dibangunkan, di samping menaikkan kualiti pendidikan sekolah kebangsaan," katanya.

Pada majlis yang sama, Najib juga mengumumkan peruntukan tambahan RM1 juta untuk pembinaan blok baru 18 buah bilik darjah SJKC Yoke Kuan dan menyempurnakan majlis pecah tanah pembinaan blok baru itu.

Dalam lawatannya ke sini, Perdana Menteri juga menyerahkan kunci rumah kepada seorang penerima bantuan khas, Chia Hau Lan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648071>